

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
(TEMERLOH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah golongan belia dan hutang yang ditanggung golongan ini sejak 2008 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM1,042 bilion (80 peratus daripada sistem perbankan dan 20 peratus daripada institusi kewangan bukan bank) yang merangkumi 89 peratus daripada KDNK pada akhir Mac 2016. Daripada jumlah tersebut, 62.6 peratus adalah untuk tujuan pengumpulan aset iaitu pembelian harta tanah dan pelaburan dalam aset kewangan. Pinjaman bagi pembelian harta tanah adalah secara